Komando ketuai senarai

1,622 terima darjah kebesaran sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong

Putrajaya

Allahyarham ASP Mohd Zabri Abdul Hamid antara perwira yang paling dikenang dalam sejarah 69 Komando, dan Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar antara penerima tertinggi mengetuai senarai 1,622 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2014 sempena sambutan ulang tahun keputeraan rasmi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini.

Mohd Zabri, Platun Komander 2, 69 Komando, yang terkorban akibat terpijak jerangkap samar pada 1975 menerima gelaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) manakala Khalid dianugerahkan Darjah Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri.

Pingat SP adalah pingat yang tertinggi sekali dan paling kanan dalam senarai keutamaan Anugerah Persekutuan.

Penganugerahan tahun ini juga membabitkan 46 penerima darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri antaranya Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Hasan Lah, Peguam Cara Negara Datuk Seri Idris Harun, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Datuk Dr Madinah Mohamad, Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Seri Mohamed Apandi Ali, Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Tan Kok Wha.

KHALID

JOHAN

ISMEE

Turut menerima PSM ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Datuk Prof Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin, Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji Datuk Paduka Ismee Ismail, Pengerusi Media Prima Berhad Datuk Johan Jaaffar, Pengerusi Eksekutif Malton Berhad Datuk Lim Siew Choon, Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) Datuk Mohamad Salim Fateh Din dan Ketua Pegawai Eksekutif Kencana Petroleum Sdn Bhd Datuk Mokhzani Tun Dr Mahathir.

Selain itu, bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis, Bekas Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha, Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk Seri M Kayveas turut menerima anugerah itu.

Seramai 55 penerima anugerah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk antaranya Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Prof Dr Ainoon Othman, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Azimah Omar, Ketua Pengarah Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri Hasanah Ab Hamid dan Ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia yang juga Ketua Wanita UMNO Bahagian Kemaman Senator Rahmani @ Rohani Abdullah.

Penerima anugerah Panglima Setia Diraja (PSD) pula seramai enam orang juga membawa gelaran Datuk antaranya Setiausaha Bahagian Kewangan di Jabatan Perdana Menteri Zolkopli Dahalan, Pegawai Agama Istana Negara Datuk Abd Aziz Che Yacob dan Datuk Paduka Maharaja Lela Mej Jen Datuk Wira Md Tajri Alwi.

Seramai 34 orang menerima anugerah Johan Mangku Negara (JMN) pula dan antara penerima ialah Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam Dr Abd Halim Mohd Hussin dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Datuk Azhar Mohamed Isa.

Penerima anugerah Johan Setia Diraja (JSD) pula terdiri daripada Ketua Penolong Setiausaha dari Bahagian Istiadat dan Keraian, Jabatan Protokol Abd Razak Abdul Wahab dan Pegawai Memerintah Tentera Udara Diraja Malaysia Kolonel Mohd Fadzil Mohd Diah.

Bagi anugerah Kesatria Mangku Negara (KMN) seramai 279 terpilih dan mereka termasuk Timbalan Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan Baharuddin Noor, Pengarah Jabatan Perangkaan Sarawak Lee Ting Siing dan Timbalan Pengarah Jabatan Peguam Negara Halijah Othman.

Anugerah Kesatria Setia Di Raja (KSD) pula diberi kepada enam orang dan antara penerimanya termasuk Juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Lt Kol Ahmad Juniar Abdul Wahab, Pegawai Keselamatan Istana Negara P/DSP Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid dan Pembantu Juruterbang TUDM Kapten Naz Wardi Birkamsin.

Seramai 421 orang juga menerima anugerah Ahli Mangku Negara (AMN) dan seramai 643 orang lagi disenarai penerima anugerah Pingat Pangkuan Negara (PPN).

Pemandu dari Unit Pentadbiran, Seksyen Persidangan Antarabangsa dan Pengurusan Bahagian Istiadat Dan Urusetia Persidangan Antarabangsa Afzanizam Ismail serta Pembantu Setiausaha Pejabat Bahagian pentadbiran Istana Negara Mezana Mat Halil antara 34 orang yang menerima anugerah Bentara Setia Diraja (BSD). Pingat Panglima Gagah Berani (PGB) juga diberikan kepada Supt E1A3/E Cawangan Khas Allahyarham ACP Ibrahim Lebar bersama 10 lain.

Seramai dua orang dipilih untuk menerima pingat Jasa Perkasa Persekutuan (JPP) iaitu Supt E6E1 Cawangan Khas Mohd. Zahari Sidik dan PT Risikan/Gerakan 69 Komando Supt Mancha ak Ata.

– BERNAMA